

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2Jld.3 (48)

31 Januari 2024
19 Rejab 1445

PEKELILING PENTADBIRAN BIL.5/2024

PELAKSANAAN PENGEMASKINIAN MAKLUMAT DAN DATA DALAM SISTEM PANGKALAN DATA UTAMA (PADU)

Dimaklumkan bahawa YAB Perdana Menteri telah melancarkan PADU pada 2 Januari 2024 lalu bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Sistem PADU yang dikawal selia oleh Kementerian Ekonomi Bersama Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) merupakan pangkalan data berpusat dan bersepadu berkaitan individu dan isi rumah rakyat Malaysia yang mengintegrasikan maklumat dan data daripada pelbagai kementerian dan agensi, termasuk daripada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan.

2. Matlamat utama pembangunan sistem PADU adalah untuk meningkatkan kecekapan perancangan dasar dan pengagihan sumber, terutama penyasaran semula subsidi dan bantuan kerajaan agar lebih bersasar kepada rakyat yang benar-benar layak. Inisiatif ini bagi membolehkan kerajaan mengoptimumkan sumber yang terhad untuk pelaksanaan program dan projek sosioekonomi yang lebih produktif dan memberi impak maksimum kepada rakyat. Selain itu, pelaksanaan PADU akan dapat membantu kerajaan memperkukuhkan kedudukan fiskal negara di samping meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat.

3. Sehubungan dengan itu, bagi meningkatkan prestasi pengisian maklumat dan data dalam sistem PADU, semua staf (akademik dan bukan akademik) dan pelajar dimohon untuk mengemaskini maklumat dan data masing-masing dalam sistem PADU melalui pautan <https://padu.gov.my> dengan kadar segera, selewat-lewatnya pada **15 Februari 2024**.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Kampus UTM Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah